

R B110 AAB  
JETI - MAHATHIR

BUTTERWORTH, 1 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN TRAGEDI JETI FERI RUNTUH DI BUTTERWORTH SEMALAM SEBAGAI KEMALANGAN YANG TAK DISANGKA-SANGKA KERANA TEMPAT TERSEBUT TELAH DIPERIKSA SEBELUM ITU.

KATANYA, SELAIN DARIPADA ITU TERDAPAT JUGA PARA PEGAWAI TINGGI SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP) YANG MENGENDALIKAN ORANG RAMAI YANG PENUH SESAK DI SITU.

+PENGERUSI SPPP, SYED MOHAMAD AIDID JUGA ADA DI SANA SEMALAM UNTUK CUBA MENGATUR ORANG RAMAI TETAPI MALANGNYA DALAM KEADAAN ORANG TERLALU RAMAI KEADAAN TIDAK DAPAT DIKAWAL,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPADA PEMBERITA DEMIKIAN SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PADA KIRA-KIRA PUKUL 10.40 PAGI INI SELEPAS MELAWAT MANGSA-MANGSA YANG CEDERA DAN MENZIARAHI MAYAT MEREKA YANG TERKORBAN DI HOSPITAL DAERAH BUTTERWORTH DAN HOSPITAL BESAR PULAU PINANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KERAJAAN PUSAT AKAN MEMBERI BANTUAN KEPADA MANGSA-MANGSA. BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MEMBERIKAN BUTIR LANJUT MENGENAI JENIS BANTUAN YANG AKAN DIBERIKAN. -- LAGI

1219MST 01 08 88

R B111 AAB  
JETI - MAHATHIR 2 BUTTERWORTH

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN NEGERI JUGA AKAN MEMBERI BANTUAN DI SAMPING PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA YANG TELAH BERJANJI UNTUK MENGHULURKAN BANTUAN YANG PERLU.

BELIAU BERKATA, PERTUBUHAN ISTERI-ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI (BAKTI) TELAH MEMBERI PENGAKUAN AKAN MEMBERI BANTUAN BERUPA WANG TUNAI. SPPP PULA MENYAMPAIKAN \$2,000 KEPADA SETIAP MANGSA YANG MATI SEBAGAI LANGKAH AWAL MERINGKANKAN BEBANAN KELUARGA MANGSA YANG TERLIBAT.

MENGENAI JETI YANG RUNTUH, PERDANA MENTERI BERKATA PIHAK BERKENAAN AKAN DIARAH MENJALANKAN PEMERIKSAAN SERTA Mencari PUNCA-PUNCA KEJADIAN UNTUK DIPERBAIKI SEMULA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TELAH MENGELUARKAN ARAHAN SECARA UMUM SUPAYA LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DIAMBIL BAGI MENJAMIN KEJADIAN YANG SAMA TIDAK BERULANG DI PENGKALAN RAJA TUN UDA.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KAKITANGAN HOSPITAL, DOKTOR TERMASUK DOKTOR SWASTA YANG TELAH SECARA BERAMAI-RAMAI MENGHULURKAN BANTUAN SEMASA KEJADIAN ITU BERLAKU. -- LAGI

1221MST 01 08 88

R B112 AAB  
JETI - MAHATHIR 3 BUTTERWORTH

BELIAU BERPUASHATI DENGAN RAWATAN PERUBATAN YANG DIBERIKAN KE ATAS MANGSA-MANGSA. DATUK SERI DR MAHATHIR YANG TIBA PAGI INI MELAWAT KIRA-KIRA DUA JAM UNTUK MENINJAU KEADAAN MANGSA-MANGSA DI HOSPITAL-HOSPITAL BERKENAAN.

SEMENTARA ITU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MENYAMPAIKAN DERMA \$10,000 SUMBANGAN BAKTI KEPADA DR LIM BAGI MENGISI TABUNG BANTUAN MANGSA KEMALANGAN JETI ITU. -- BERNAMA

1222MST 01 08 88